



Penjawat awam dan perubahan zaman

Rata-rata penjawat awam menghela nafas lega apabila Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) baru-baru ini mengeluarkan kenyataan bahawa kawalan saiz perkhidmatan awam bagi tempoh tiga tahun mulai tahun ini hingga 2021 tidak akan membabitkan pemberhentian kakitangan kerajaan.

Sebaliknya menurut JPA, ia hanya membabitkan jawatan yang tidak diisi (perjawatan) melebihi tempoh dua tahun.

Sebelum ini, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan, saiz perkhidmatan awam yang terlalu besar akan meningkatkan perbelanjaan mengurus kerajaan, sekali gus mengencilkan peruntukan perbelanjaan pembangunan negara.

Tambah beliau, jika jumlah penjawat awam seramai 1.7 juta ketika ini tidak dikawal, kos perbelanjaan mengurus akan mengambil sebahagian besar belanjawan negara setiap tahun.

Rentetan itu, JPA memaklumkan kaedah kawalan saiz perkhidmatan awam adalah melalui penswastan, penyusunan semula perjawatan, serah urus fungsi, penyampaian perkhidmatan alternatif, automasi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan.

Namun, pelaksanaan kaedah ini tidak memberi implikasi kepada pengisian jawatan bagi sektor kritikal seperti kesihatan, pendidikan dan keselamatan.

Isu kawalan saiz perkhidmatan awam mula mencetuskan panik dalam kalangan penjawat awam sedia ada kerana risau bakal ditamatkan perkhidmatan, juga dalam kalangan pencari kerja dan graduan yang khawatir peluang pekerjaan mereka terjejas kelak.

Namun, penjelasan JPA sewajarnya difahami semua pihak dan menjawab segala kekeliruan yang timbul. Kaedah kawalan yang akan dilaksanakan itu sebenarnya bakal menyediakan cabaran getir kepada penjawat awam untuk memastikan mereka kekal relevan dalam perkhidmatan awam.

Jumlah 1.7 juta penjawat awam sering mencetuskan polemik berikutan wujud pertembungan antara dua pandangan iaitu yang mengatakan jumlah itu ramai berbanding pandangan yang melihat jumlah itu tidak ramai, malah belum mencukupi.

Apapun masing-masing ada alasan dan justifikasi logik dan rasional namun berpijak di bumi nyata, kita perlu memikirkan hala tuju perkhidmatan awam dan penjawat awam secara keseluruhannya.

Tanpa menafikan mana-mana pandangan itu, penulis mahu melihat isu ini dari sudut pandangan

Setiap penjawat awam perlu secara berterusan meningkatkan ilmu dan pengetahuan supaya kemahiran dan kecekapan sedia ada dapat diasah dan diperkasakan. Cara kerja dan pemikiran juga perlu berubah dengan lebih pantas selari dengan perubahan dalam teknologi serta perubahan dalam ekspektasi pelanggan

sedikit berbeza supaya kita lebih fokus dan rasional dalam menilai dan mentafsir keperluan kawalan saiz perkhidmatan awam serta peranan dan fungsi penjawat awam.

Umum mengetahui penjawat awam tulang belakang kerajaan. Penjawat awam bertanggungjawab melaksanakan segala dasar diperkenalkan kerajaan dengan cara menyampaikan perkhidmatan itu secara terus kepada rakyat di samping menjadi orang tengah dan perantara antara rakyat dan kerajaan.

Fungsi dan peranan sesebuah kerajaan akan terjejas, malah boleh dikatakan lumpuh sama sekali

jika penjawat awam gagal menunaikan tanggungjawab dengan berkesan.

Jadi, kita perlu memahami bahawa tidak mungkin kerajaan yang menyedari kepentingan peranan penjawat awam akan mennganiaya atau menzalimi mereka, menafikan hak mereka mahupun menamatkan perkhidmatan mereka begitu saja.

Justeru, bagi penulis daripada berdebat persoalan sama ada perlu laksanakan kawalan saiz perkhidmatan terutama mempersoal atau mempertikai kaedah kawalan yang bakal dilaksanakan, adalah lebih elok jika penjawat awam sahut ini sebagai cabaran untuk muhasabah peranan dan kedudukan masing-masing, seterusnya berusaha meningkatkan prestasi dan sumbangan, sekali gus membuktikan kita adalah wajar dan layak dikekalkan dalam perkhidmatan awam.

Terimalah hakikat zaman sudah berubah, ekspektasi rakyat yang menerima perkhidmatan juga semakin kompleks, malah tuntutan terhadap kreativiti dan peningkatan prestasi penjawat awam juga semakin meningkat. Dalam pada itu, gaji dan segala kemudahan yang dinikmati penjawat awam hari ini sudah jauh lebih baik berbanding 70-an dan 80-an.

Walaupun secara relatifnya kita setuju gaji masih rendah kerana berlaku peningkatan kos sara hi-

dup yang sangat tinggi, jangan kita menafikan perubahan dan penambahan yang kerajaan buat selama ini untuk meningkatkan tahap kebajikan penjawat awam.

Justeru, inilah masanya penjawat awam menahut cabaran, misalnya hari ini kita bercakap tentang Revolusi Industri 4.0, Internet Of Things (IOT) atau Internet Kebendaan serta Artificial intelligence (AI) atau kecerdasan buatan dan di mana kedudukan kita dalam perkembangan teknologi seperti ini?

Apakah kita sudah bersedia sedia dengan kemahiran diperlukan apabila semua teknologi ini mula memberikan persaingan dan cabaran kepada kita? Ingat jika kita alpa kerja, kita akan diambil alih oleh mesin, robot dan komputer sepenuhnya satu hari kelak. Jadi terserah kepada kita bagi memastikan masih kekal relevan dengan kedudukan sekarang.

Untuk itu, setiap penjawat awam perlu secara berterusan meningkatkan ilmu dan pengetahuan supaya kemahiran dan kecekapan sedia ada dapat diasah dan diperkasakan. Cara kerja dan pemikiran juga perlu berubah dengan lebih pantas selari dengan perubahan dalam teknologi serta perubahan dalam ekspektasi pelanggan.

Justeru, kita perlu bersedia dan lebih fleksibel supaya dapat berubah, menerima perubahan dan melakukan perubahan diperlukan

organisasi dan pelanggan.

Dalam konteks ini, setiap agensi kerajaan perlu membantu warga kerja membangunkan bakat dan kompetensi mereka secara berterusan. Setiap agensi kerajaan perlu memberi perhatian khusus dalam aspek pembangunan bakat dan kompetensi.

Percayalah bila majikan serius membangunkan bakat dan kompetensi pekerja, kita yakin komitmen, kemahiran dan kecekapan pekerja akan terus meningkat selari dengan keperluan organisasi yang menyumbang kepada peningkatan kualiti perkhidmatan serta mampu melakukan perubahan diperlukan.

Jadi, kita harap tidak ada lagi pihak cuba mempolemik atau mempolitik isu kawalan saiz perkhidmatan awam ini, sebaliknya penjawat awam perlu sahut cabaran getir tuntutan dunia pekerjaan semasa supaya memastikan kita kekal relevan dan perkhidmatan kita masih diperlukan oleh organisasi.

Kita juga berharap apa jua kaedah kawalan yang bakal dilaksanakan kerajaan nanti, biarlah atas prinsip memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dalam situasi menang-menang (win-win situation).

Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

